

KEJAYAAN TANGGUNG

Jika gagal
saudara-saudarilah
yang rugi – PM

JUN 1991
Oleh

Badrul Azhar Rahman

MELAKA 31 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meletakkan tanggungjawab utama kepada golongan belia di negara ini untuk memastikan Malaysia mencapai negara maju dalam tempoh 30 tahun dari sekarang.

Beliau menegaskan, wawasan 2020 itu tertumpu kepada golongan belia hari ini dan kejayaan program-program ke arah matlamat itu adalah bergantung kepada keupayaan mereka.

"Jika program ini berjaya, saudara-saudarilah yang dapat menikmatinya dan jika gagal, saudara-saudarilah yang rugi," tegas beliau di perhimpunan Hari Belia dan pelancaran rasmi "Program Induk Belia Negara (PIBN)" di Stadium Kubu, di sini.

Program Induk Belia Negara (PIBN) yang dilancarkan itu merupakan satu halacara perjuangan serta asas pegangan golongan belia negara ini.

Ia bertujuan untuk membina masyarakat belia yang bersatu-padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju dalam bidang ekonomi serta sosial.

Program disusun

Sepuluh program yang disusun dalam program itu ialah Malaysia Cergas, Malaysia Cemerlang, Malaysia Patriotik, Malaysia Harmoni, Malaysia Mahir, Malaysia Mulia, Malaysia Maju, Malaysia Sejagat, Malaysia Prihatin dan Malaysia Berbudaya.

Beliau meminta para belia di seluruh negara menganggap hari ini sebagai satu permulaan kepada usaha keras untuk mencapai wawasan itu demi kepentingan mereka juga.

Menurutnya PIBN yang dilancarkan itu perlu dijadikan panduan ke arah mencapai matlamat tersebut kerana ia khusus untuk membentuk belia-belia bagi menyertai dengan cergas segala program pembangunan negara.

"Orang macam saya mungkin tidak ada lagi menjelang 2020, kerana pada masa itu umur saya sudah meningkat 96 tahun," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa wawasan 2020 akan hanya tinggal wawasan yang tercatat dalam akhbar jika program yang diatitkan gagal mencapai matlamatnya.

Beliau berkata, para belia hendaklah menyusun langkah secara tertib ke arah matlamat tersebut dan yakin bahawa usaha yang dibuat adalah untuk kebaikan.

LIHAT MUKA 2

WAWASAN 2020 JAWAB BELIA

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

KEJAYAAN WAWASAN 2020 TANGGUNGJAWAB BELIA

"Semua kaum mesti kerja sama kuat dan tidak harus lemah semangat atau malas.

"Masalahnya kita jangan mudah terpesong dengan perkara-perkara kecil dan titik bengkok yang menelan banyak masa dan tenaga kerana tenaga itu sepatutnya ditumpukan bagi matlamat yang lebih besar iaitu pembangunan," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengaku, sesuatu rancangan masa depan yang diatur tidak mungkin sempurna dan adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk membetulkan kelemahan itu semasa proses pelaksanaan.

Kini, tanpa rancangan masa depan, kita dapat pertumbuhan negara tidak memuaskan tetapi kini Malaysia berkembang dengan maju hasil daripada perancangan yang teliti dan kemas.

"Sebab itulah program induk belia negara bukan untuk dibincangkan semata-mata - mata bagi mencari kelemahan tetapi untuk dilaksanakan," tambahnya.

Sebagai negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum katanya, kekuatan yang ada itu akan membolehkan Malaysia mencapai matlamat negara maju lebih cepat daripada negara yang mempunyai satu kaum.